

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL  
CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM. KPD. BPA.600-4/4/2  
Tarikh : 15 September 2022

Semua Pelajar  
Program Pascasiswazah  
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**MAKLUMAT PENTING PENDAFTARAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2022-2023**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2022-2023 akan **bermula pada 17 Oktober 2022**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

PERKARA	BUTIRAN
<b>PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2022-2023</b>	Pelajar yang telah membuat pendaftaran awal boleh menyemak kursus yang telah didaftarkan di SMPE. Manakala bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran awal, boleh mendaftar kursus dalam tempoh tambah kursus <b>bermula 17 Oktober 2022</b> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web UKMShape sebagai panduan.
<b>CAJ LEWAT MENDAFTAR</b>	Bagi pelajar yang masih tidak membuat pendaftaran selepas tempoh tambah kursus tamat akan dikenakan caj sebanyak RM50 seperti yang terdapat di dalam Peraturan Am Kewangan UKMShape.
<b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b>	Pelajar akan diberikan status " <b>DIBERHENTIKAN SEBAB TIDAK MENDAFTAR</b> " jika tidak membuat pendaftaran sehingga <b>selewat-lewatnya pada 20 November 2022</b> .



**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

<b>JADUAL PERKULIAHAN</b>	Jadual perkuliahan akan dipaparkan di laman web PKP <b>selewat-lewatnya seminggu sebelum sesi perkuliahan bermula</b> . Pelajar juga dinasihatkan sentiasa menyemak jadual kuliah untuk makluman terkini.
<b>PEMBAYARAN YURAN</b>	<p>Pelajar hendaklah menjelaskan <b>SEMUA YURAN TERTUNGGAK DAN SEMASA</b>. Pembayaran yuran semester semasa hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 40% daripada yuran semester semasa <b>sebelum atau pada 3 Oktober 2022</b>.</p> <p>Pelajar yang mempunyai penaja, mohon serahkan surat kelulusan tajaan kepada Bahagian Kewangan UKMShape jika belum berbuat demikian.</p> <p>Semakan status kewangan pelajar boleh disemak di laman web portal kewangan UKM di <a href="https://ekewangan.ukm.my">https://ekewangan.ukm.my</a></p>
<b>BIODATA PELAJAR DI SMPE</b>	Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat pelajar di SMPE pada setiap semester sekiranya terdapat perubahan.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2021-2022.

Sekian, untuk makluman dan perhatian saudara/i. Terima kasih.

Yang benar,



**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**

Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
b.p. Timbalan Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
  - Ketua Bahagian Pentadbiran, UKMShape
  - Bahagian Kewangan, UKMShape



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 01100

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4073 Faks: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp